



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KADAR CAJ AKSES SISTEM UNTUK CRESS DAN CAJ AKSES KOMUNITI UNTUK CREAM TURUN SEHINGGA 40%, PACU AKSES BEKALAN ELEKTRIK HIJAU PENGGUNA KORPORAT

PUTRAJAYA, 29 Ogos 2025 – Bagi meningkatkan lagi capaian syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau, Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah memperkenalkan pelaksanaan dua program khusus iaitu, Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) dan *Community Renewable Energy Aggregation Mechanism* (CREAM).

Kedua-dua program ini merupakan inisiatif progresif Kerajaan MADANI yang bertujuan mewujudkan opsyen pembekalan elektrik hijau yang lebih luas kepada pengguna dengan memberi pilihan kepada syarikat korporat untuk mendapat bekalan elektrik hijau secara terus daripada pemaju tenaga boleh baharu (TBB), menerusi sistem rangkaian grid dengan caj akses kepada seperti berikut:

Program	Pembekalan <i>Firm</i> (RM Sen/kWj)	Pembekalan <i>Non-firm</i> (RM Sen/kWj)
CRESS - Caj Akses Sistem (SAC)	25	45
CREAM – Caj Akses Komuniti (CAC)	15	

Selaras dengan pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang lebih telus dan progresif mulai 1 Julai 2025, penelitian dan penyesuaian terhadap kadar SAC dan CAC sedia ada telah dilakukan dengan mengambil kira komponen serta nilai tarif berdasarkan jadual tarif baharu agar nilai yang ditetapkan adalah wajar dan tidak berlaku pengiraan berganda.

Lanjutan itu, Kerajaan menetapkan supaya kadar SAC dan CAC untuk Tempoh Regulatori Ke-4 dilaraskan seperti berikut:

Program	Pembekalan <i>Firm</i> (RM Sen/kWj)	Pembekalan <i>Non-firm</i> (RM Sen/kWj)
CRESS	20	40
CREAM	9	

Kadar SAC dan CAC baharu ini telah menurun sehingga 40% berbanding nilai sebelum ini. Oleh itu, kadar SAC dan CAC baharu ini dijangka akan berupaya menarik lebih ramai penyertaan pengguna-pengguna korporat untuk mendapat bekalan elektrik hijau pada kos yang lebih kompetitif.

PETRA sebagai peneraju agenda peralihan tenaga negara yakin bahawa penambahbaikan ini akan membolehkan lebih banyak syarikat korporat mendapat akses bekalan elektrik hijau dalam memenuhi komitmen ESG masing-masing. Langkah ini akan menyokong aspirasi negara untuk mencapai 70% kapasiti TBB dalam perbekalan elektrik negara menjelang tahun 2050, sekali gus memenuhi tanggungjawab kepada generasi masa kini dan akan datang, sejajar dengan prinsip utama Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
29 OGOS 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

